



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: MAINPP/PSU/100-19/1/1 Jld.9 (53)

Tarikh: 3 Julai 2023 / 14 Zulhijjah 1444H

Imam Besar Masjid Negeri Pulau Pinang

Semua Imam Utama Masjid Daerah

Pengerusi Kariah Masjid-Masjid Negeri Pulau Pinang

Pengerusi Surau-Surau Negeri Pulau Pinang

Pengerusi Masjid Ghairu Jamek Negeri Pulau Pinang

YBhg. Tan Sri / Dato' / Tuan,

**KETETAPAN BERKAITAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI
NEGERI PULAU PINANG
PER : PENYAMPAIAN KHUTBAH**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri / Dato' / Tuan mengenai perkara di atas dan surat mengenai Ketetapan Berkaitan Tatacara Penggunaan Masjid Dan Surau Di Negeri Pulau Pinang bertarikh 23 Mac 2023 adalah berkaitan.

Seksyen 104(2)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 menetapkan bahawa:

“Jawatankuasa Kariah bersama Pegawai Masjid hendaklah bertanggungjawab bagi kelakuan baik anak kariah dalam perkara yang berhubung dengan agama Islam”.

Kaedah 8(2)(i) Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Qaryah Dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997 menyatakan bahawa:

“Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid hendaklah mengatur semua urusan ibadah dan pelajaran agama di masjid / surau dan mengawal syarahan-syarahan agama dan guru agama dalam kariah”.

KETETAPAN BERKAITAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI PULAU PINANG
PER : PENYAMPAIAN KHUTBAH

Kaedah 8(2)(k) Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Qaryah Dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997 menjelaskan bahawa:

“Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid hendaklah menjalankan daya usaha untuk memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam di dalam kariah itu dan berusaha mencari jalan untuk meninggikan taraf hidup dan ekonomi orang-orang Islam serta menambahkan amalan taqwa kepada Allah”.

2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan kehendak peruntukan enakmen dan kaedah tersebut maka dengan ini Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mengarahkan agar semua masjid dan surau di Negeri Pulau Pinang untuk menguatkuasakan serta memperkemas kaedah penyampaian khutbah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:-

- i) **Setiap khatib yang bertugas hendaklah membaca sepenuhnya teks khutbah yang diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sahaja dan tidak boleh dipinda atau ditokok tambah;**
- ii) **Khatib jemputan adalah dilarang daripada menyampaikan khutbah melainkan setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa agama negeri;**

3. Arahan ini berkuatkuasa **SERTA MERTA** mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

4. Oleh itu, kerjasama semua jawatankuasa masjid dan surau negeri ini adalah dipohon untuk mematuhi arahan yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ini.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI SAMSUDIN BIN BAKAR)
Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

KETETAPAN BERKAITAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI PULAU PINANG
PER : PENYAMPAIAN KHUTBAH

s.k Yang Berbahagia
Datuk Pengelola Bijaya Diraja
Istana Negara
Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur.
(U.P.: YBhg. Datuk Haji Munir bin Hj. Md. Salleh)

Setiausaha Sulit Kepada
Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Seri Mutiara, Jalan Utama
10500 Pulau Pinang.
(U.P.: Encik Mohd. Abdul Rahman bin Ismail)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd. Rahman
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Ahmad
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 25, KOMTAR
10503 Pulau Pinang.

YB. Puan Roslinda binti Mohd Shafie
Penasihat Undang-Undang Negeri
Pejabat Penasihat Undang-Undang
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 10, Bangunan Persekutuan
Jalan Anson
10400 Pulau Pinang.

YBhg. Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR
Pulau Pinang.

Tuan Zulkifli bin Rashid
Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
Lebuh Pantai
10300 Pulau Pinang.

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah